

20/08/1999

China diminta bantu usaha penubuhan EAEC

Mustapa Omar in Beijing

BEIJING, Khamis - China digesa menyertai Malaysia dan negara-negara Asean lain untuk berbincang dengan Jepun dan Korea Selatan bagi membolehkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) menjadi kenyataan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata EAEC atau badan lain dengan apa nama sekalipun yang mewakili rantau ini, wajar diwujudkan serta diiktiraf sebagai pertubuhan serantau mewakili kepentingan negara Asia Timur.

"Tidak dapat dinafikan bahawa pengiktirafan terhadap EAEC akan membolehkan lebih banyak perbincangan mengenai isu-isu penting yang membabitkan rantau ini diadakan.

"Selain itu, ia juga boleh memperjuangkan kepentingan negara Asia Timur dalam forum seperti Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), Mesyuarat Asean-Eropah (Asem) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucaptamanya bertajuk "Hubungan China-Malaysia: Cabaran dan Peluang Pada Abad ke-21" di Forum Malaysia-China Ketiga, di sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri China, Li Lanqing, serta kira-kira 700 usahawan dan pemimpin kedua-dua negara turut hadir dalam forum anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli).

Ketika Dr Mahathir mencetuskan idea penubuhan kerjasama di kalangan negara Asia Timur itu pada awal 1990-an, China menjadi antara negara luar Asean pertama menyokong cadangan berkenaan.

Idea itu yang mendapat tentangan Barat tetapi disokong Asean, seterusnya dijadikan matlamat gagasan itu dalam Perisytiharan Sidang Kemuncak Asean Keempat di Singapura pada 1992.

Sejak itu, ketua negara Asean dan menteri luar negara yang dianggap bakal menyertai EAEC, iaitu 10 negara Asia Tenggara, China, Jepun dan Korea Selatan beberapa kali mengadakan perbincangan tidak rasmi sempena mesyuarat Asean.

Malah pada 1994, Perdana Menteri China ketika itu, Li Peng, pernah memberi jaminan akan membantu Malaysia untuk meyakinkan negara tertentu supaya menerima EAEC.

Dr Mahathir berkata, krisis ekonomi dan kewangan yang melanda beberapa negara Asia Timur, termasuk Indonesia, Thailand dan Korea Selatan, sejak dua tahun lalu membuktikan perlunya diwujudkan EAEC itu.

Katanya, ini kerana EAEC boleh dijadikan sebagai sebuah badan perundingan yang mana negara-negara serantau dapat berkumpul dan membincangkan lebih lanjut sebarang masalah membabitkan rantau ini.

"Memang benar, sejak beberapa tahun kebelakangan ini soal mengenai EAEC jarang kedengaran mungkin kerana tumpuan lebih diberikan kepada Apec dan WTO.

"Malah, EAEC juga tidak disebut pada tahun pertama krisis ekonomi kerana ia dikatakan tidak disukai Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Amerika Syarikat.

"Tetapi bagi saya, EAEC sebenarnya sudah menjadi kenyataan apabila negara-negara Asean, China, Jepun dan Korea Selatan sering bertemu bagi membincangkan usaha menyelamatkan beberapa negara anggota yang dilanda krisis," katanya.

Dr Mahathir berkata, konsep EAEC juga sebenarnya sudah direalisasikan secara tidak formal dalam pertemuan Asean+3 pada Sidang Puncak Tidak Rasmi Ketua-Ketua Negara Asean sejak tiga tahun lalu dan ketika Asem.

"Bagaimanapun, saya merasakan ia masih belum cukup bagi memenuhi

keperluan mendesak di rantau ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, EAEC sepatutnya memainkan fungsi penting dalam usaha menangani krisis kewangan yang melanda Thailand, Indonesia dan Korea Selatan, bukan IMF.

Katanya, ini kerana negara berkenaan sudah menyedari syarat ketat yang dituntut IMF sebagai balasan kepada bantuan kewangan diberikannya dan ini sudah dibuktikan berdasarkan apa yang berlaku dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini.

"Bagaimanapun, dalam keadaan kritikal seperti itu IMF serta Amerika Syarikat tidak boleh ditolak begitu saja dan negara serantau yang terbabit terpaksa menghadapi kesannya seperti yang berlaku di Indonesia," katanya.

(END)